

H. KUKUM TUAN RUMAH BERSAMA KONVENSYEN PEMADAM KEBANGSAAN 2004

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dengan kerjasama Biro Latihan PEMADAM Kebangsaan dan Pemadam Negeri Perlis telah bertindak sebagai penganjur bersama Konvensyen Panel Penceramah PEMADAM Kebangsaan 2004 bermula dari 28 hingga 30 November 2004 yang lalu bertempat di Institut Keusahawanan Belia Negara (IKBN) Kuala Perlis, Perlis.

Konvensyen yang telah dirasmikan oleh Datuk Zainal Abidin Zin, Timbalan Menteri Pertahanan merangkap Yang Dipertua PEMADAM Kebangsaan itu telah dihadiri oleh 500 orang panel penceramah dari seluruh negara. Konvensyen tersebut diadakan bagi tujuan melahirkan penceramah yang berkesan dan boleh menjadi perangsang kepada gerakan aktif menjana kesedaran benci akan dadah di peringkat akar umbi.

Konvensyen itu juga antara lain bertujuan untuk menyemarakkan penyediaan tenaga penceramah terlatih yang cukup bagi memenuhi keperluan pengajaran aktiviti pencegahan dadah yang semakin meningkat selain mendedahkan penceramah kepada kemandirian siapsiaga dari segi input, fakta dan pendekatan yang sesuai dengan keperluan audien yang pelbagai dan sentiasa berubah.

Semasa konvensyen dilangsungkan para peserta yang terdiri daripada ahli jawatankuasa PEMADAM kebangsaan dan negeri telah didedahkan dengan maklumat terkini mengenai dadah, mewujudkan perkongsian idea dan pengalaman ke arah pementapan diri sebagai seorang penceramah dan meningkatkan semangat dan penghargaan sendiri penceramah sebagai personel utama di barisan depan dalam peperangan menentang dadah.

Aturcara konvensyen selama tiga hari tersebut telah dibahagikan kepada lima persidangan iaitu meliputi pembentangan kertas kerja serta dialog oleh beberapa orang ahli jawatankuasa pusat dan negeri. Antara tajuk persidangan yang dibentangkan ialah 'Realiti Masalah Dadah Masa Kini', 'Realiti dan Cabaran HIV/AIDS', 'Kita Pelaksana Agenda Negara', 'Kisah Benar' dan 'Motivasi dan Inovasi Penceramah'. Konvensyen tersebut telah ditutup secara rasmi oleh Senator Ismail Kassim mewakili YAB Dato' Seri Shahidan bin Kassim, Menteri Besar Perlis.



... Konvensyen tersebut diadakan bagi tujuan melahirkan penceramah yang berkesan dan boleh menjadi perangsang kepada gerakan aktif menjana kesedaran benci akan dadah di peringkat akar umbi ...